

10 MAY 2004

Halal-Vaksin

FIRMA M'SIA HASILKAN VAKSIN HALAL UNTUK PASARAN NEGARA ISLAM

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Sebuah syarikat Malaysia yang menggunakan kepakaran bio-teknologi dari Cuba akan menghasilkan vaksin halal bagi merawat penyakit "meningococcal" untuk dipasarkan di negara-negara Islam.

Pengerusi Bioven Holdings Sdn Bhd Datuk Mukhriz Mahathir hari ini berkata vaksin yang boleh diperolehi di pasaran pada masa ini untuk merawat meningitis, mengandungi bahan yang tidak halal, porsin (sejenis bahan daripada khinzir).

"Majlis Fatwa telah membuat deklarasi bahawa vaksin mestilah bebas daripada porsin. Pada masa ini terdapat bekalan vaksinasi halal (di negara ini) tetapi jumlahnya tidak mencukupi," katanya kepada pemberita selepas menghadiri ceramah mengenai industri kejuruteraan genetik Cuba, yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Pusat Kejuruteraan Genetik dan Bioteknologi Cuba Dr Luis Saturnino Herrera Martinez di Kedutaan Cuba di sini.

Mukhriz berkata syarikat berkenaan, Finlay-Heber-Bioven Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Bioven, melabur kira-kira RM250,000 untuk mengadakan penyelidikan bagi menghasilkan vaksin itu di Cuba dan sebahagian daripada kerja-kerja itu akan dijalankan oleh sekumpulan pakar tempatan di Universiti Sains Malaysia (USM).

Beliau berkata ia akan mengambil masa kira-kira 18 bulan sebelum vaksin baru itu boleh diperolehi di pasaran dan kemudiannya produk berkenaan akan dijual di seluruh dunia -- kebanyakannya di negara-negara Islam.

"Kira-kira 250,000 umat Islam dari Malaysia mengerjakan haji dan umrah setiap tahun dan kami bercadang untuk meneroka pasaran serantau, bermula dengan Indonesia, dan juga memasarkannya ke semua negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam," katanya.

Vaksin baru ini pada peringkat awalnya diuji menggunakan bahan sintetik tetapi hasilnya tidak begitu menggalakkan, jadi syarikat berkenaan menukar kepada bovin (bahan daripada lembu) dan ia membuahkan keputusan yang

lebih  
baik, kata Mukhriz.

"Kami mahu menggantikan vaksin tidak halal dengan vaksin halal dan itu merupakan matlamat kami. Daripada aspek agama, ia merupakan kewajipan kami. (Sebelum ini) vaksin lama digunakan kerana kami tidak mempunyai produk yang baru ini dan kini menjadi kewajipan kami untuk menghasilkan yang baru," katanya.

Sementara itu, Dr Martinez berkata sekurang-kurangnya 10 Memorandum Persefahaman berkaitan sektor kejuruteraan genetik telah dimeterai antara Cuba dan Malaysia, sebahagian besarnya membabitkan universiti serta syarikat.

-- BERNAMA

VP IA AM JK ROS